



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 02 Tahun 2021

PELAKSANAAN DASAR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai Dasar Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Dasar PdP UiTM telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil. 34 / 2020 pada 21 Oktober 2020, diperakukan dalam Mesyuarat Senat ke-264 dan dimaklumkan dan disahkan bagi pemakaian oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui mesyuarat khas pada 15 Disember 2020.

PELAKSANAAN DASAR

3. Dasar PdP ialah pernyataan prinsip dan ketetapan yang menjadi asas kepada pengajaran dan pembelajaran di UiTM.

4. Dasar PdP bertujuan memandu pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan PdP di UiTM bagi memastikan kesepaduan dan keselajaran proses serta amalan akademik yang berkualiti.

5. Dasar ini diharap dapat mempertingkatkan keseragaman pemahaman berkaitan PdP serta memastikan para akademik bersama-sama dalam mengusahakan pembelajaran yang optimum dan pembentukan insan berilmu dengan sifat-sifat terpuji dalam kalangan pelajar UiTM.

6. Dasar ini juga memperincikan elemen-elemen penting yang diperlukan bagi peningkatan kualiti PdP di UiTM melalui penyampaian kurikulum yang konsisten dan saksama.

7. Buku Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UiTM boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (<http://hea.uitm.edu.my/v4>) di menu Download.

8. Kerjasama ketua jabatan adalah dipohon untuk memanjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti / Pusat Akademik / UiTM Kampus Cawangan / PTJ masing-masing.



TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling dikeluarkan pada 02 Januari 2021.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 02 Januari 2021.



PROF. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 02 Januari 2021
Kategori Pekeliling : Dasar